



Early Raya cheer for 26 kids from two homes

Hypermart sponsors shopping and buka puasa treat



A little help: Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Datuk Ameer Ali M (right) and Bachaalani with the children holding the charity packs.

By CHARLES FERNANDEZ
charlesf@thestar.com.my

TEN orphanages selected by the Welfare Department will benefit from the "Mari Beramal Bersama Colgate", an initiative by Colgate-Palmolive Marketing Sdn Bhd (Colgate) and Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin).

And to begin with, 26 children from two homes - Yayasan Anak Yatim Piatu in Port...

Special campaign to raise funds



Dua syarikat korporat bergabung demi kebajikan



• Isam (tengah) dan Ameer bersama anak-anak yatim yang gembira menerima sumbangan daripada Colgate dan Mydin.

SUBANG JAYA - Setiap RM0.20 daripada jualan pek amal ubat gigi Colgate Pelindungan Karvili Maksimum dan Colgate Kayu Sugi 175 gram di kesemua cawangan pasar raya Mydin, bakal diagihkan kepada 10 rumah anak yatim yang dipilih Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Pengarah Urusan Colgate Palmolive Marketing Sdn Bhd, Issam Bachaalani berkata, sejajar dengan kemulaan bulan Ramadan ini pihaknya dengan kerjasama Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) melancarkan kempen "Mari Beramal Bersama Colgate".

Menurutnya, sehingga 31 Oktober ini, setiap pembelian pengguna terhadap kedua-dua produk itu, pihaknya dan Mydin masing-masing akan menyumbang RM0.10 yang akan disumbangkan kepada rumah anak yatim terpilih di seluruh negara.

"Ramai orang tidak mempunyai masa atau tidak tahu bagaimana untuk melaksanakan kerja kemasyarakatan. Oleh itu, kita melancarkan kempen berkenaan bagi menjadi penghubung dan memberi peluang mereka menyumbang kepada kegiatan amal.

"Matlamat kami untuk mengumpulkan lebih banyak dana dan ia akan diperuntukkan kepada pertubuhan berkenaan bagi memenuhi keperluan pendidikan, kebajikan dan penyelenggaraan kemudahan rumah," katanya.

Issam berkata, dengan sumbangan tambahan daripada Mydin, pihaknya yakin dapat mencapai jumlah hampir RM100,000 untuk digunakan bagi program amal berkenaan.

Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin dalam ucapannya berkata, beliau sangat berbesar hati kerana Syarikat Peneraju Produk Pergigian yang diyakini, Colgate memilih pasar raya sebagai "rakan kerjasama" untuk tujuan murni itu.

"Usaha mengetepikan RM0.10 hasil penjualan ubat gigi Colgate adalah salah satu cara kami sebagai sebuah syarikat Muslim menuaikan fardu kifayah untuk menolong golongan memerlukan.

"Kami berharap pelanggan setia Mydin tidak melepaskan peluang untuk beramal setiap kali mereka membuat pembelian ubat gigi itu untuk memberikan sinar kegembiraan kepada anak-anak yatim terpilih di seluruh negara," katanya yang turut menyumbang baucar RM100 kepada anak-anak yatim di bawah Yayasan Anak Yatim Piatu pada dalam program itu.

ing

the
his
ore
of

will
ing

on-
m-